

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM  
(BANDAR TUN RAZAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.10.2014**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jaminan yang akan diberi oleh Kerajaan bahawa penggunaan dana awam bernilai RM6 bilion dalam Pelan Pemulihan Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) akan dibentangkan secara terperinci dalam Parlimen serta akan membuahkan hasil seperti yang dijanjikan menjelang 2017 tanpa perlu suntikan dana baharu dan bukannya "bailout" yang hanya menguntungkan kroni.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 12 rangka kerja dalam Pelan Pemulihan MAS yang telah diumumkan oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) pada 29 Ogos 2014 turut melibatkan penubuhan sebuah syarikat baharu bagi menempatkan "MAS Baru", menyahsenarai MAS (syarikat sedia ada) dan penyenaiaan semula "MAS Baru". Penyahsenaraian MAS adalah langkah pertama dalam proses penstrukturan semula secara menyeluruh bagi melindungi kepentingan pemegang saham minoriti daripada risiko pelaksanaan serta memberi peluang kepada MAS dan Khazanah untuk membuat keputusan secara pantas dan berkesan;

Penghijrahan kepada "MAS Baru" akan melibatkan kajian semula kos keseluruhan syarikat penerbangan tersebut yang dijangka akan menghasilkan struktur kos yang lebih rendah, berikutan struktur operasi dan tenaga kerja akan dilaksanakan berdasarkan amalan dan norma-norma industri yang kompetitif. Syarikat ini dijangka mencatatkan keuntungan dalam tempoh 3 tahun dan menjelang tahun 2020 "MAS

Baru” dijangka akan berada dalam kedudukan yang lebih kukuh dan boleh dipertimbangkan untuk disenaraikan semula di Bursa Malaysia, dijual atau diletakkan dalam perkongsian strategik yang mampu menjana pulangan positif.

Bagi melaksanakan Pelan Pemulihan MAS ini, Khazanah memerlukan dana sehingga RM6 bilion yang akan disalurkan secara berperingkat, tertakluk kepada pencapaian syarat-syarat penyusunan semula yang ketat. Antara sasaran yang ditetapkan ke atas MAS adalah seperti penggubalan peraturan kerja dan syarat-syarat pekerjaan yang optimum berdasarkan penanda aras industri, penyusunan semula proses dan penyelarasan, kajian semula kontrak, penyatuan operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), penubuhan jawatankuasa untuk memudahkan perundingan pekerja, tadbir urus dan etika, kelulusan Pelan Perniagaan, pembangunan sumber manusia dan pengurusan, kajian semula struktur tadbir urus korporat Syarikat dan penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kewangan dan operasi untuk pemantauan bulanan bagi memastikan pelaksanaan penstrukturan semula.